



Anwar bersama barisan Kabinet mengibarkan Jalur Gemilang selepas berucap menyampaikan amanat sempena Hari Kebangsaan di PICC, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

PM jamin kerajaan pertahan hak rakyat

Tiada siapa boleh pertikai perkara termaktub dalam Perlembagaan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan Kerajaan Perpaduan yang diterajui-nya akan mempertahankan hak setiap rakyat di negara ini tanpa ada yang dipinggirkan.

Menyampaikan amanat sempena Hari Kebangsaan 2023 semalam, Perdana Menteri menegaskan semua pihak harus menerima kenyataan bahawa perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan seperti hak dan keistimewaan Bumiputera serta Islam sebagai agama Persekutuan tiada sesiapa harus mempertikaikannya.

"Kita kena pertahan semangat bahawa negara ini milik semua rakyat. Kesatuan dan perpaduan ini (perlu) dipupuk untuk dijamin masa depannya mulai sekarang.

"Kedudukan bahasa Melayu, kedudukan agama Islam, kedaulatan Raja-Raja dan hak Melayu serta Bumiputera, tidak harus dipertikaikan.

"Malah, memperakui kontrak sosial antara semua kaum dan jaminan bahawa hak semua warganegara mengamalkan budaya mereka, agama mereka dan suku kaum akan tetap dipertahankan," katanya di hadapan lebih 6,000 hadirin di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini.



Majlis itu juga disiarkan secara langsung di televisyen tempatan dan media sosial.

Yang hadir sama, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof, anggota Kabinet, pegawai kanan kerajaan, wakil penduduk dan pelajar sekolah.

Keperluan perpaduan

Dalam amanatnya, Anwar antara lain menekankan pentingnya perpaduan dalam mempertahankan kemerdekaan negara bagi menggilap Malaysia sebagai sebuah negara hebat.

Beliau berkata, hasrat itu boleh dicapai kerana Malaysia mempunyai limpahan golongan pekerja yang boleh diangkat sebagai pakar teknologi dan profesional yang mampu bersaing dengan mana-mana negara di dunia.

"Antara cita dan harapan, negara harus bersatu dan merangka Ekonomi MADANI yang mampan serta jaminan keadilan untuk semua rakyat pelbagai kaum dan agama.

"Mari kita manfaatkan waktu yang ada di sisa-sisa hidup kita ini untuk berbuat bakti kepada diri, keluarga dan masyarakat kita dan yakinlah negara ini bukan biasa. Negara ini punya hasil-mahsul yang hebat melimpah ruah," katanya.

Katanya, antara syarat untuk mencapai aspirasi itu adalah dengan memastikan 'merdeka rakyat' iaitu sebuah masyarakat

yang merdeka minda dan jiwanya serta bebas daripada pandangan pemikiran penjajah dan pemikiran jumud.

"Kita boleh buat pilihan untuk terus mengadu domba, syak wasangka, permusuhan politik dan kaum atau kita boleh memilih untuk menyatakan 'sudahlah'.

"Jadi marilah kita gunakan dan memanfaatkan waktu ini untuk merangka strategi serta bekerja sedaya upaya," katanya.

Tegasnya, semua peringkat daripada pimpinan sehingga rakyat bawahan harus mendalami bahawa negara ini adalah amanah yang perlu dijaga sebaiknya.

"Sebab itu, dari penghulu ke ketua kampung hinggalah ke Pejabat Perdana Menteri, mesti melahirkan jiwa yang merdeka dan tidak sanggup melihat negara ini dijadikan perkakas untuk perolehan bagi golongan elit," katanya.

Perdana Menteri juga memberi jaminan semua sekolah di negara ini akan memiliki prasarana asas yang munasabah menjelang Oktober ini.

Katanya, sekolah yang mempunyai prasarana asas yang lengkap adalah lebih bermakna kepada jutaan ibu bapa dan murid berbanding sekadar memiliki mercu tanda bangunan dan gedung besar.

Anwar berkata, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang bakal dilancarkan Jumaat ini bakal menjadikan Malaysia sebuah negara industri berteknologi tinggi dengan transformasi digital.

Katanya, NIMP 2030 bukan seperti pelan perindustrian biasa kerana ia akan memberi tumpuan kepada anjakan serta membuka ruang lebih luas untuk negara.